

DATE: 07/04/2008

# Dr. Mahathir bantu rosakkan UMNO – PM

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

**KUALA LUMPUR** 6 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang selama ini berdiam diri terhadap kritikan pedas Tun Dr. Mahathir Mohamad, hari ini mengecam bekas Perdana Menteri itu kerana ‘membantu’ merosakkan UMNO.

Perdana Menteri yang mengakui Dr. Mahathir mempunyai kekuatan tersendiri, kesal kerana ia telah disalahgunakan untuk terus-terusan mengkritik kepimpinannya sehingga melemahkan parti dan kerajaan Barisan Nasional (BN).

“Dia kata dia kuat, memang dia kuat. Tetapi kekuatan yang digunakan ialah sesuatu kekuatan yang disalahgunakan,” katanya.

Abdullah bercakap pada sidang akhbar selepas Majlis Penerangan Bersama Presiden UMNO di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Abdullah mengimbas komen Dr. Mahathir yang mempunyai nada berbeza semasa BN mencatat kemenangan besar pada pilihan raya umum lepas.

“Apa yang berlaku dulu, masa kita menang 2004, kata beliau.. ‘ini kuat sangat, tak boleh, tak elok, mesti ada pembangkang’... seolah-olah dia bertolak-ansur dengan pembangkang sepanjang masa.

“Apabila pembangkang naik (menang), saya ingat kut dia nak raikan... dia hentam kita pula.

Dia kata mengapa pula jadi begini? “Jadi menang banyak pun tak boleh, menang sedikit pun tak boleh. Apa yang boleh?,” soalnya.

Abdullah turut mempersoalkan kenyataan Dr. Mahathir yang mendakwa kebebasan media kini disekat.

“Apakah pada masa dulu tidak ada sekatan-sekatan seperti itu?” soalnya.

Menurut Abdullah, Dr. Mahathir sendiri menghalang media membuat liputan tentang Tun Hussein Onn sejak mengambil alih jawatan daripada Per-

dana Menteri ketiga itu.

“Saya tahu pemberita semua dipanggil apabila Tun Mahathir mengambil alih (jawatan) Perdana Menteri, jangan (buat) berita, jangan tunjuk gambar (bekas Perdana Menteri ketiga) Tun Hussein (Onn), jangan beri berita kepada dia.

“Operasi Lalang siapa yang bertanggungjawab, saya tahu, bukan saya tak tahu. Orang tertentu jangan diberi liputan oleh akhbar. Ini adalah arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang saya tahu,” katanya.

Abdullah lega kerana kini ahli-ahli UMNO sendiri mula mengeluarkan kisah sebenar yang berlaku pada zaman Dr. Mahathir.

“Kita hendak bekerja dan bermuafakat, bekerjasama ini yang penting. Rakyat tidak dapat menerima UMNO terus bersengketa pada waktu ini,” tegasnya.

Ditanya sama ada Dr. Mahathir yang dikaitkan dengan campur tangan pelantikan hakim akan disiasat seperti disarankan oleh peguam yang juga Ahli

Parlimen DAP, Karpal Singh, beliau berkata, ia perlu dipertimbangkan sekiranya ada bukti.

“Kalau ada tuduhan yang terbukti kepada sesiapa pun... tak kan kita nak pejam mata, tak boleh,” katanya.

Bagaimanapun tegasnya, keputusan untuk membuka fail siasatan itu tidak akan dibuat olehnya.

“Saya tidak buka fail (siasatan). Bukan tugas saya untuk membuka fail siasatan ke atas sesiapa pun. Itu tugas Badan Pencegah Rasuah. Kalau ia rasa itu sesuatu yang sudah wajar dan ada bukti, terserah kepada mereka,” katanya.

Ditanya tidakkah UMNO merasakan kritikan Dr. Mahathir dibuat untuk kepentingan parti, Abdullah menjawab: “Berilah kami peluang untuk buat apa yang terbaik untuk parti, kerajaan dan negara.”

Dalam hal ini, Pengerusi BN itu memberitahu beliau sendiri akan turun padang berjumpa dengan ahli dan masyarakat peringkat akar umbi bagi menjelaskan pelbagai isu.

um- 7/4/2008